



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jld. 47

17 Jun 2004

No. 13

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 Tahun 1965)

No. 13.

(Seksyen 264)
NOTIS LELONGAN AWAM

Saya, Bashirah binti Elias, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 264, Kanun Tanah Negara dan merujuk kepada perintah melalui Borang 16H bertarikh 23 Oktober 2002 memaklumkan bahawa lelongan awam ke atas tanah seperti yang diperihal di dalam Jadual di bawah yang ditetapkan pada 20 Mei 2003 telah ditangguhkan.

Dan saya selanjutnya memerintahkan supaya lelongan ke atas hartanah berkenaan diadakan semula—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam yang akan diadakan pada hari 24 Jun 2004 di Perkarangan Jabatan Tanah dan Galian Perlis;
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM117,000.00 (Ringgit Malaysia Seratus Tujuh Belas Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh perintah dikeluarkan ialah RM130,515.79. Nama pemegang gadaian ialah Bumiputra Commerce Bank Berhad.
 3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas — RM11,700.00 (Ringgit Malaysia Sebelas Ribu Tujuh Ratus Sahaja);

- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
- (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 21 Oktober 2004 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Sena; No. Lot/Petak/P.T.—PT 970; Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 1237; Bahagian Tanah (jika ada)—Semua; No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Pers. 1396/2000 (Satu Hakmilik Sahaja).

Bertarikh 11 Mei 2004.

[PTG.(Ps.) (R) 1/80 F 1114(30).]

BASHIRAH BINTI ELIAS,
Timbalan Pendaftar Hakmilik,
Negeri Perlis

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA